

## **Kefahaman Pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Terhadap Sifat 20**

*The Understanding of Students of Academy of Islamic Studies Universiti Malaya Towards Sifat 20*

Mohd Syukri Zainal Abidin

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
syukri1990@um.edu.my

Nur Farah Nabihah Aznan

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
nabihah498@gmail.com

Faizuri Abd. Latif

Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
fa72@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no2.6>

### **Abstract**

*Sifat 20 is part of the perfection sifat for Allah SWT who is infinite. It is obligatory to be known by every mukallaf along with detailed evidence. A correct knowledge and understanding of sifat 20 will confirm the obligation of worship and other benevolent deeds in addition to instilling nobility in behavior. However, with the influence of Western ideas and dogmas that are growing today as well as postmodern era, the understanding of society towards sifat 20 seems to be fading even among students with a background in Islamic studies. Therefore, this article will review the understanding of students of the Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (APIUM) towards sifat 20. This article uses a questionnaire survey that was distributed to 170 students from various fields of study and departments. The questionnaire was analyzed descriptively using SPSS software to see the results of the collected data. The results found that APIUM students have a positive understanding of sifat 20. However, this article also suggests that programs related to the study of Islamic creed, especially the study of sifat 20, continue to be actively implemented despite being in the millennium. A more efficient teaching approach should be applied to be compatible with the development of Industrial Revolution 4.0 (IR4.0).*

**Keywords:** `Aqidah, Sifat 20, Understanding, Students of Academy of Islamic Studies Universiti Malaya

### **Abstrak**

Sifat 20 merupakan sebahagian daripada sifat kesempurnaan bagi Allah SWT yang tidak terhingga. Ia wajib untuk diketahui oleh setiap mukallaf beserta dalil yang terperinci. Pengetahuan dan kefahaman yang betul terhadap sifat 20 akan mengesahkan kerfarduan ibadah dan amal kebajikan yang lain di samping menajihkan luhur budi pada tingkah laku. Walau bagaimanapun, dengan pengaruh idea dan dogma Barat yang kian berkembang hari ini, ditambah pula dengan era pascamoden, kefahaman masyarakat terhadap sifat 20 kelihatan pudar meskipun dalam kalangan pelajar berlatar belakangkan pengajian Islam sekalipun. Oleh yang demikian, artikel ini akan meninjau kefahaman pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) terhadap sifat 20. Artikel ini menggunakan tinjauan soal selidik yang diedarkan kepada 170 orang pelajar dari pelbagai bidang pengajian dan jabatan. Soal selidik tersebut seterusnya dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS bagi

melihat hasil data yang telah dikumpul. Hasilnya mendapati bahawa pelajar APIUM mempunyai kefahaman yang baik tentang mendalami sifat 20. Namun begitu, artikel ini juga mencadangkan supaya program yang berkaitan dengan pengajian akidah terutama pembelajaran sifat 20 terus giat dilaksanakan meskipun berada pada zaman millenium. Pendekatan pengajaran yang lebih efisien wajar diterapkan agar bersesuaian dengan perkembangan *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0).

**Kata kunci:** Akidah, Sifat 20, Kefahaman, Pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

## **Pendahuluan**

Akidah Islam adalah satu perkara yang wajib untuk dipelajari, difahami, dihayati dan diamalkan bagi setiap mukallaf. Hal ini kerana akidah Islam merupakan perkara asas dalam agama. Hal ini juga bertepatan dengan tujuan utama manusia diciptakan iaitu untuk beribadah kepada Allah SWT. Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Dhāriyāt ayat 56:

﴿56: 51﴾ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(Surah al-Dhariyat 51:56)

Allah SWT telah menurunkan al-Quran dan mengutuskan para Rasul untuk menyampaikan dan menjelaskan pada manusia risalah agama, hal yang wajib diketahui dalam berakidah Islam. Ini kerana akidah merupakan perkara yang penting bagi umat Islam.

Perbincangan mengenai sifat Allah SWT merupakan sebahagian skop atau *maudu'* yang dibincangkan dalam pengajian akidah. Ia dibahaskan dalam bab ketuhanan di samping perbincangan lain seperti perbincangan mengenai zat dan perbuatan Allah SWT. Allah SWT Maha Esa mengandungi sifat yang Maha Sempurna perlu diimani oleh setiap yang orang yang beriman supaya kepatuhan kepada setiap tuntutan dan larangan dapat dilaksanakan dengan penuh keikhlasan. Perbincangan mengenai sifat Allah SWT tidak berlaku pada zaman Rasulullah SAW. Ini kerana, sekiranya terdapat sebarang persoalan mengenai sifat Allah SWT, para sahabat akan merujuk secara terus kepada Rasulullah SAW. Begitu juga selepas kewafatan Baginda SAW. Para sahabat tetap berpegang teguh dengan kebenaran akidah yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Sekiranya timbul sebarang kemusykilan berkaitan akidah, mereka akan merujuk kepada al-Quran dan Sunnah yang ditinggalkan oleh Baginda SAW. Manakala, sekiranya mereka tidak menjumpai panduan daripada kedua sumber tersebut, mereka bertanyakan pandangan kepada para sahabatnya yang lain.

Meskipun mengimani dan meyakini kewujudan sifat bagi Allah SWT merupakan kewajipan bagi umat Islam kerana perkara tersebut termaktub dalam al-Quran dan hadis, namun terdapat beberapa golongan yang memperdebatkan isu tersebut. Pada penghujung zaman sahabat, telah muncul beberapa aliran pemikiran Islam yang lahir dalam membincangkan sifat bagi Allah SWT dengan menyeleweng. Wujud golongan yang cuba mentakwilkan ayat al-Quran yang berkaitan dengan sifat Allah SWT sehingga menimbulkan perkara syubhah sampai kepada peringkat *mentasybihkan* dan *mentajsimkan* Allah SWT. Malah, muncul juga golongan yang membawa fahaman *ta'til* iaitu menafikan sifat Allah SWT seperti kelompok muktazilah. Ahli Sunnah Wal Jama'ah beriman bahawa Allah SWT mempunyai sifat. Sifat itu berdiri dengan diri-Nya bukan sesuatu yang lain daripada-Nya. Setelah beberapa ketika muncul Imam al-Sanusi yang memperkemas perbincangan sifat Allah SWT melalui pendekatan sifat 20. Kehadiran pemikiran al-Sanusi telah menarik minat ramai

ulama Islam, termasuk ulama Melayu yang turut memuatkan perbincangan sifat 20 dalam karya mereka. Maka tidak menghairankan sekiranya pendekatan sifat 20 amat dikenali di Alam Melayu hasil daripada usaha gigih ulama Melayu menyebarkannya melalui bidang penulisan dan pengajaran.

### **Perbincangan Sifat 20**

Mengenal Allah SWT merupakan satu tuntutan bagi setiap Muslim sebelum melaksanakan ibadah supaya dapat mengetahui siapa yang disembah bahkan menimbulkan rasa kekhayusan ketika beribadah. Sifat 20 adalah antara kaedah atau pendekatan dalam mengenal Allah SWT (makrifatullah). Namun, setiap Muslim perlu memahami dan menghayati sifat Allah SWT yang agung sahaja bukan mengenali zatnya kerana ia merupakan suatu larangan. Perbincangan sifat Allah SWT pada peringkat awal terutamanya pada zaman Abu Hasan al-Ash'ari lebih menekankan sifat asas yang disebutkan di dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, bagi menambah pemantapan pengetahuan telah muncul di Nusantara al-Sanusi yang membincangkan sifat 20 dalam karya beliau iaitu 'Umm al-Barahin.<sup>1</sup> Al-Sanusi pada ketika tersebut mengasingkan perbincangan yang berkaitan dengan akidah dan falsafah kerana para ulama terdahulu telah terpengaruh dengan falsafah asing<sup>2</sup> lalu berlaku pencampuran antara beberapa jenis ilmu akal sehingga berlaku pencampuran antara ilmu akidah dan falsafah asing.

Pengajian sifat 20 membincangkan persoalan ketuhanan yang disusuli dengan hujah dan pendalilan yang kukuh terhadap penetapan sifat Allah SWT. Di sini dapat dilihat bahawa pengajian sifat 20 berupaya bukan sahaja menetapkan akidah masyarakat Muslim, bahkan berperanan menolak penyelewengan ajaran dan kesesatan ideologi. Dalam konteks Negara, perbincangan ketuhanan hanya tertumpu kepada persoalan sifat 20 yang ketengahkan oleh al-Sanusi dalam karya 'Umm al-Barahin dan disyorkan oleh ramai para ulama seluruh dunia. Para ulama memberi perhatian kepada perbincangan sifat 20 bagi memudahkan kefahaman masyarakat Muslim berhubung akidah di samping dapat dicerna dengan baik. Pendekatan pengajian sifat 20 telah diterima oleh majoriti ulama Islam termasuklah ulama Melayu meskipun sifat 20 disusun agak lewat dalam perkembangan mazhab Asya'irah, iaitu pada peringkat dan era akhir dalam penyusunan perbincangan ketuhanan mengikut mazhab Asya'irah. Buktinya, terdapat banyak rujukan akidah yang dihasilkan menggunakan kerangka sifat 20. Antara karya yang masyur adalah seperti al-Durr al-Thamin, Zuhrah al-Murid fi 'Aqidah al-Tawhid, Faridah al-Faraid fi 'Ilm al-'Aqidah, 'Aqidah al-Najin dan banyak lagi. Kesemua karya tersebut dijadikan rujukan asas dalam pengajian ilmu tauhid di pondok, masjid dan lain-lain.

Pada konteks masa kini, umat Islam berhadapan dengan cabaran aliran pemikiran dan ideologi baharu yang menyesatkan seperti tidak percaya kewujudan Tuhan dan meragui syariat diturunkan. Maka, masyarakat Muslim perlu mempelajari dan memahami disiplin ilmu sifat 20 untuk dijadikan benteng serta pertahanan jati diri<sup>3</sup> daripada terjatuh dalam ideologi yang menyeleweng daripada akidah Islam sebenar. Disebabkan itu, ulama Nusantara sangat menjaga disiplin pengajian sifat 20 kerana mereka menyakini bahawa dengan memahaminya mampu mengukuhkan pegangan akidah dalam kalangan umat Islam daripada terpedaya dengan ideologi songsang.<sup>4</sup>

Sehubungan dengan itu, kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah pelajar Islam khususnya pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

---

<sup>1</sup> Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar, "Pengaruh Umm al-Barahin Karya al-Sanusi Terhadap Bakurah al-Amani Karya Wan Ismail al-Fatani dalam Perbincangan Sifat 20," *Jurnal AFKAR* 20.2 (2018), 90.

<sup>2</sup> Masakaree Ardae@Nik Muhammad Syukri Nik Wan, "Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 2.1 (2014), 52.

<sup>3</sup> Mohd Fauzi Hamat, "Sumbangan Pengajian Akidah dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas," *Jurnal AFKAR* 5.1 (2004), 26.

<sup>4</sup> Mohd Fauzi, "Sumbangan Pengajian Akidah", 26.

memahami dan menerima konsep akidah berdasarkan pengajian sifat 20. Perkara sedemikian penting kerana kebiasaannya pelajar pengajian Islam menjadi tempat rujukan orang awam setelah bergelar graduan universiti. Hal ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar Islam dalam membentuk jadi diri yang teguh keimanan kepada Allah SWT dan berupaya membina tamadun berteraskan akidah yang benar. Bagi mencapai objektif kajian, borang soal selidik yang terdiri daripada beberapa bahagian seperti latar belakang responden, persepsi responden terhadap pengajian sifat dua puluh dan tanggapan responden terhadap sifat 20 dirangka serta diedarkan kepada 170 orang pelajar di pelbagai jabatan.

### **Perbahasan Sifat 20**

Mengenal Allah SWT merupakan satu tuntutan bagi setiap Muslim sebelum melaksanakan ibadah supaya dapat mengetahui siapa yang disembah bahkan menimbulkan rasa kekhusyukan ketika beribadah. Sifat 20 adalah antara kaedah atau pendekatan dalam mengenal Allah SWT (makrifatullah). Namun, setiap Muslim perlu memahami dan menghayati sifat Allah SWT yang agung sahaja bukan mengenali zatnya kerana ia merupakan suatu larangan. Perbahasan sifat Allah SWT pada peringkat awal terutamanya pada zaman Abu Hasan al-Ash'ari lebih menekankan sifat asas yang disebutkan di dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, bagi menambah pemantapan pengetahuan telah muncul di Nusantara al-Sanusi yang membahaskan sifat 20 dalam karya beliau iaitu Umm al-Barahin.<sup>5</sup> Al-Sanusi pada ketika tersebut mengasingkan perbahasan yang berkaitan dengan akidah dan falsafah kerana para ulama terdahulu telah terpengaruh dengan falsafah asing<sup>6</sup> lalu berlaku pencampuran antara beberapa jenis ilmu akal sehingga berlaku pencampuran antara ilmu akidah dan falsafah asing.

Pengajian sifat 20 membincangkan persoalan ketuhanan yang disusuli dengan hujah dan pendalilan yang kukuh terhadap penetapan sifat Allah SWT. Di sini dapat dilihat bahawa pengajian sifat 20 berupaya bukan sahaja menetapkan akidah masyarakat Muslim, bahkan berperanan menolak penyelewengan ajaran dan kesesatan ideologi. Dalam konteks Negara, perbahasan ketuhanan hanya tertumpu kepada persoalan sifat 20 yang ketengahkan oleh al-Sanusi dalam karya Umm al-Barahin dan disyarahkan oleh ramai para ulama seluruh dunia. Para ulama memberi perhatian kepada perbincangan sifat 20 bagi memudahkan kefahaman masyarakat Muslim berhubung akidah di samping dapat dicerna dengan baik. Pendekatan pengajian sifat 20 telah diterima oleh majoriti ulama Islam termasuklah ulama Melayu meskipun sifat 20 disusun agak lewat dalam perkembangan mazhab Asya'irah, iaitu pada peringkat dan era akhir dalam penyusunan perbahasan ketuhanan mengikut mazhab Asya'irah. Buktinya, terdapat banyak rujukan akidah yang dihasilkan menggunakan kerangka sifat 20. Antara karya yang masyur adalah seperti al-Durr al-Thamin, Zuhrah al-Murid fi 'Aqaid al-Tawhid, Faridah al-Faraid fi 'Ilm al-Aqaid, Aqidah al-Najin dan banyak lagi. Kesemua karya tersebut dijadikan rujukan asas dalam pengajian ilmu tauhid di pondok, masjid dan lain-lain.

Pada konteks masa kini, umat Islam berhadapan dengan cabaran aliran pemikiran dan ideologi baharu yang menyesatkan seperti tidak percaya kewujudan Tuhan dan meragui syariat diturunkan. Maka, masyarakat Muslim perlu mempelajari dan memfahami disiplin ilmu sifat 20 untuk dijadikan benteng serta pertahanan jati diri<sup>7</sup> daripada terjatuh dalam ideologi yang menyeleweng daripada akidah Islam sebenar. Disebabkan itu, ulama Nusantara sangat menjaga disiplin pengajian sifat 20 kerana mereka menyakini bahawa dengan memahaminya mampu

---

<sup>5</sup> Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar, "Pengaruh Umm al-Barahin Karya al-Sanusi Terhadap Bakurah al-Amani Karya Wan Ismail al-Fatani dalam Perbahasan Sifat 20," *Jurnal AFKAR* 20.2 (2018), 90.

<sup>6</sup> Masakaree Ardae@Nik Muhammad Syukri Nik Wan, "Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 2.1 (2014), 52.

<sup>7</sup> Mohd Fauzi Hamat, "Sumbangan Pengajian Akidah dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas," *Jurnal AFKAR* 5.1 (2004), 26.

mengutuhkan pegangan akidah dalam kalangan umat Islam daripada terpedaya dengan ideologi songsang.<sup>8</sup>

Sehubungan dengan itu, kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk melihat sejauh manakah pelajar Islam khususnya pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya memahami dan menerima konsep akidah berdasarkan pengajian sifat 20. Perkara sedemikian penting kerana kebiasaannya pelajar pengajian Islam menjadi tempat rujukan orang awam setelah bergelar graduan universiti. Hal ini dapat dimanfaatkan oleh pelajar Islam dalam membentuk jadi diri yang teguh keimanan kepada Allah SWT dan berupaya membina tamadun berteraskan akidah yang benar. Bagi mencapai objektif kajian, borang soal selidik yang terdiri daripada beberapa bahagian seperti latar belakang responden, persepsi responden terhadap pengajian sifat dua puluh dan tanggapan responden terhadap sifat 20 dirangka serta diedarkan kepada 170 orang pelajar di pelbagai jabatan.

### Metodologi Kajian

Artikel ini menggunakan pendekatan deskriptif yang mana tujuan utama adalah untuk memberi gambaran umum tentang isu yang ingin diterokai<sup>9</sup> dan sesuai digunakan bagi mengukur sikap, tingkah laku serta pendapat. Teknik persampelan secara rawak digunakan dalam memastikan setiap elemen dalam populasi mendapat peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel.<sup>10</sup> Responden yang dipilih bagi kajian ini ialah pelajar Ijazah Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Seramai 1609 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Daripada jumlah tersebut, seramai 98 orang daripada Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, 150 orang daripada Jabatan al-Quran dan al-Hadith, 108 orang daripada Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, 103 orang daripada Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, 80 orang daripada Jabatan Siasah Syar'iyah, 113 orang daripada Jabatan Fiqh dan Usul, 118 orang daripada Jabatan Syariah dan Ekonomi, 122 orang daripada Jabatan Syariah dan Undang-undang, 129 orang daripada Jabatan Syariah dan Pengurusan Muamalat, 150 orang daripada Program Pendidikan Islam (Pengajian al-Quran), 145 orang daripada Program Pendidikan Islam (Pendidikan Islam), 231 orang daripada Program Pengajian Islam dan Sains, dan 84 orang daripada Program Astronomi Islam.

Bagi kajian deskriptif, sudah memadai bilangan yang diperlukan adalah 10% daripada populasi<sup>11</sup>. Dalam kajian ini, sampel yang diperlukan seramai 170 orang daripada 1609 pelajar Ijazah Sarjana Muda, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Data yang dikumpulkan melalui soal selidik telah diproses menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) dan microsoft excel untuk memperolehi hasil daripada data yang dikumpulkan. Teknik analisis deskriptif frekuensi telah digunakan oleh penulis bagi menganalisis data tersebut. Statistik deskriptif merupakan statistik yang digunakan bagi menganalisis data dengan cara menghimpun, menyusun, dan mengatur data angka yang terkumpul yang ada agar dapat membentuk gambaran yang teratur tanpa membuat kesimpulan yang umum atau generalisasi<sup>12</sup>. Penulis menunjukkan di bawah langkah analisis deskriptif frekuensi menggunakan SPSS:

#### Langkah 1: Pembolehubah dalam SPSS Data Editor (*Variable view*)

Fungsi *variable view* adalah bagi mendefinisikan setiap pembolehubah yang dinyatakan dalam soal selidik. Setiap item soal selidik hanya satu *variable* sahaja sebagai contoh jantina dan

<sup>8</sup> Mohd Fauzi, "Sumbangan Pengajian Akidah", 26.

<sup>9</sup> Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS* (Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2020), 19.

<sup>10</sup> Fauzi, Jamal & Mohd Saifoul, *Kaedah Penyelidikan*, 89.

<sup>11</sup> Azizi Yahaya et al., *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori dan Interpretasi Data* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2006), 85.

<sup>12</sup> Amiroton Sholikhah, "Statistik Deskriptif dalam Penelitian Kualitatif," *Jurnal Komunika* 10.2 (2016), 345.

umur. Rajah 1.1 di bawah menunjukkan pengisian data *variable* yang dinyatakan dalam soal selidik.


Rajah 1.1: Pengisian Item *Variable* dalam SPSS

Name	Type	Width	Decimals	Label	Values	Missing	Columns	Align
1 Jantina	String	20	0	Jantina	{1, Labell...}	None	10	Left
2 Umur	String	20	0	Umur	{1, 18-20 Ta...}	None	8	Left
3 Kos	String	100	0	Program Pengajian	{1, Razah S...}	None	8	Left
4 Tahun	String	100	0	Tahun Pengajian	{1, Tahun 1...}	None	8	Left
5 A1	String	100	0	Adakah anda mengetahui/ mempelajari sifat 20 sebelum ini?	{1, Ya...}	None	8	Left
6 A2	String	100	0	Sekiranya ya, dimanakah anda mengetahui/ mempelajari mengenainya?	{1, Sekolah...}	None	8	Left
7 A3	String	100	0	Apakah yang dimaksudkan dengan sifat 20?	{1, Sifat-sifa...}	None	8	Left
8 A4	String	100	0	Perbincangan mengenai sifat 20 telah ada pada zaman Rasulullah SAW dan zaman sahabat?	{1, Benar...}	None	8	Left
9 A5	String	100	0	Siapakah yang mula-mula membincangkan sifat 20 seperti mana yang anda pelajari/ketahui sekarang?	{1, Rasulullah...}	None	8	Left
10 A6	String	100	0	Imam al-Sanusi menghadkan perbincangan sifat-sifat Allah SWT kepada 20 sifat sahaja kerana:	{1, Sebab si...}	None	8	Left
11 A7	String	100	0	Berapakah bahagian Sifat 20?	{1, Dua...}	None	8	Left
12 A8	String	100	0	Sifat yang menamakan perkara-perkara yang tidak layak bagi Allah SWT dikenali sebagai?	{1, Sifat Haf...}	None	8	Left
13 A9	String	100	0	Antara sifat-sifat berikut yang manakah dikenali sebagai sifat salbiyyah?	{1, wujud...}	None	8	Left
14 A10	String	100	0	Antara berikut yang manakah bukan daripada sifat ma'ani?	{1, Basaj...}	None	8	Left
15 A11	String	100	0	Adakah penting untuk memahami sifat ma'ani dengan benar?	{1, Ya...}	None	8	Left
16 A12	String	100	0	Sekiranya ya, apakah sebabnya?	{1, Supaya...}	None	8	Left
17 A13	String	100	0	Adakah Imam al-Ay'ani berpegang kepada semua 20 sifat tersebut?	{1, Ya...}	None	8	Left
18 A14	String	100	0	Kenapa ada setengah ulama tidak menyebut sifat ma'naviyah sebagai sifat Allah SWT?	{1, Sifat itu...}	None	8	Left
19 A15	String	100	0	Antara berikut yang manakah sifat ma'naviyah?	{1, Basaj...}	None	8	Left
20 B1	Numeric	8	0	Sebagai pelajar Akademi Pengajian Islam, saya merasakan sifat 20 amat penting untuk difahami ole...	{1, Sangat T...}	None	8	Right
21 B2	Numeric	8	0	Saya merasakan pengajian sifat 20 tidak perlu dititik beratkan.	{1, Sangat T...}	None	8	Right
22 B3	Numeric	8	0	Pengajian sifat 20 perlu dipelajari daripada peringkat sekolah lagi.	{1, Sangat T...}	None	8	Right
23 B4	Numeric	8	0	Pengajian akidah melalui sifat 20 perlu mengikut keadaan semasa dengan mengubah corak pembela...	{1, Sangat T...}	None	9	Right
24 B5	Numeric	8	0	Sifat 20 tidak dibantu oleh infografik, tetapi hanya bergantung kepada kitab kuning sahaja	{1, Sangat T...}	None	8	Right

Sumber: SPSS

Nilai bagi setiap variable perlu ditentukan di *Value Labels*. Dalam artikel ini, penulis menggunakan 5 skala likert yang merangkumi 1: sangat tidak setuju, 2: tidak setuju, 3: tidak pasti, 4: setuju dan 5: sangat setuju. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan cara menentukan *Value Labels*.

Rajah 1.2: Cara Menentukan Value Labels



Sumber: SPSS

Langkah 2: Memasukkan data dalam SPSS Data Editor (Data View)

Rajah 1.3: Pengisian Data Soal Selidik dalam SPSS Data Editor


Jantina	Umur	Kos	Tahun	A1	A2	A3	A4	A5	A6	A7	A8	A9	A10	A11
Perempuan	21-25 Tahun	Ijazah Sarj...	Tahun 4	Ya	Sekolah M...	Sifat-sifat ...	Betul	Rasulullah ...	Sebab sifat...	Tidak Pasti	Tidak Pasti	Wujud, Qid...	Tiada jawa...	Ya
Perempuan	21-25 Tahun	Program P...	Tahun 4	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Salah	Tidak pasti	Supaya leb...	Tiga	Sifat Salbi...	Qidam	Tiada jawa...	Ya
Perempuan	21-25 Tahun	Program P...	Tahun 4	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Salah	Tidak pasti	Supaya leb...	Tiga	Sifat Salbi...	Qidam	Tiada jawa...	Ya
Lelaki	21-25 Tahun	Program P...	Tahun 1	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Salah	Tidak pasti	Telah berla...	Tidak Pasti	Tidak Pasti	Wujud, Qid...	Tiada jawa...	Tidak Pasti
Perempuan	21-25 Tahun	Program P...	Tahun 4	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Salah	Tidak pasti	Sebab sifat...	Tidak Pasti	Sifat Salbi...	Mukhalafat...	Tiada jawa...	Ya
Lelaki	21-25 Tahun	Ijazah Sarj...	Tahun 4	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Betul	Imam al-S...	Supaya leb...	Tidak Pasti	Tidak Pasti	Wujud, Qid...	Kalam	Ya
Perempuan	21-25 Tahun	Ijazah Sarj...	Tahun 4	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Betul	Abu Hassa...	Sebab sifat...	Empat	Sifat Nafsi...	Qidam, Ba...	Tiada jawa...	Ya
Lelaki	21-25 Tahun	Program P...	Tahun 4	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Betul	Abu Hassa...	Telah berla...	Tiga	Sifat Salbi...	Wujud, Qid...	Iradah	Ya
Perempuan	21-25 Tahun	Ijazah Sarj...	Tahun 4	Ya	Universiti	Sifat-sifat ...	Salah	Abu Mans...	Sebab sifat...	Empat	Sifat Ma'ani	Qidam, Ba...	Tiada jawa...	Ya
Perempuan	21-25 Tahun	Ijazah Sarj...	Tahun 1	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Salah	Imam al-S...	Sebab sifat...	Dua	Sifat Nafsi...	Wujud, Qid...	Iradah	Ya
Perempuan	21-25 Tahun	Ijazah Sarj...	Tahun 3	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Betul	Imam al-S...	Supaya leb...	Empat	Sifat Salbi...	Mukhalafat...	Tiada jawa...	Ya
Perempuan	21-25 Tahun	Ijazah Sarj...	Tahun 3	Ya	Sekolah R...	Sifat-sifat ...	Betul	Imam al-S...	Telah berla...	Dua	Sifat Salbi...	Mukhalafat...	Iradah	Ya

Sumber: SPSS

Langkah 3: Analisis Deskriptif Frekuensi

Proses analisis deskriptif frekuensi dilakukan dengan memilih opsen Analyze> Descriptive Statistic> Frequencies. Rajah 3.4 dibawah menunjukkan paparan pemilihan opsyen tersebut.

Rajah 1.4: Membuat Pilihan Analisis Deskriptif Frekuensi



Sumber: SPSS

Langkah 4: Membuat Kesimpulan

Setelah data diproses dalam SPSS dan mengeluarkan keputusan sebagaimana yang dikehendaki, penulis menginterpretasi hasil data tersebut.

a. Demografi

Bil.	Item	Penerangan
1.	Jantina	Lelaki Perempuan
2.	Umur	18-20 Tahun 21-25 Tahun 26-30 Tahun
3.	Program Pengajian	Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam) Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Al-Quran dan al-Hadith) Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam) Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Islam) Ijazah Sarjana Muda Syariah (Ekonomi) Ijazah Sarjana Muda Syariah (Pengurusan) Ijazah Sarjana Muda Syariah (Undang-Undang) Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul) Ijazah Sarjana Muda Syariah (Siasah Syar'iyah) Program Pendidikan Islam (Pendidikan Islam) Program Pendidikan Islam (Pengajian al-Quran) Program Pengajian Islam dan Sains Program Astronomi Islam
4.	Tahun Pengajian	Tahun 1 Tahun 2 Tahun 3 Tahun 4

b. Pengetahuan Responden Terhadap Sifat 20.

Bil.	Literatur	Item	Perincian
1.	Olahan Penulis	Adakah anda mengetahui/mempelajari sifat 20 sebelum ini?	Ya Tidak
2.	Olahan Penulis	Sekiranya ya, di manakah anda mengetahui/mempelajari mengenainya?	Sekolah Rendah Agama Sekolah Menengah Agama Sijil Tinggi Agama Universiti
3.	Muhadir Haji Joll <sup>13</sup>	Apakah yang dimaksudkan dengan sifat 20?	Sifat Allah SWT Sifat Malaikat Sifat Nabi Sifat manusia

<sup>13</sup> Muhadir Hajil Joll, *Sifat 20 Satu Pengenalan Asas* (Petaling Jaya: Galeri Ilmu, 2020), 14.



4.	Ishak Rosli <sup>14</sup>	Perbincangan mengenai sifat 20 telah ada pada zaman Rasulullah SAW dan zaman sahabat?	Benar Salah
5.	<i>Ibid</i>	Siapakah yang terawal membincangkan sifat 20 seperti mana yang anda pelajari/ketahui sekarang?	Rasulullah SAW Abu Hassan al-Asy'ari Abu Mansur al-Maturidi Imam al-Sanusi
6.	<i>Ibid</i>	Imam al-Sanusi menghadkan perbincangan sifat Allah SWT kepada 20 sifat sahaja kerana:	Sebab sifat yang wajib bagi Allah SWT terlalu banyak. Supaya lebih memudahkan orang Islam mengetahui sifat Allah SWT. Telah berlaku pencampuran dalam penulisan akidah Islam dengan ilmu falsafah sehingga mengelirukan orang awam dalam memahami ilmu akidah.
7.	<i>Ibid</i>	Berapakah bahagian Sifat 20?	Dua Tiga Empat Tidak Pasti
8.	<i>Ibid</i>	Sifat yang menafikan perkara yang tidak layak bagi Allah SWT dikenali sebagai?	Sifat Nafsiyyah Sifat Salbiyyah Sifat Ma'ani Sifat Ma'nawi Tidak Pasti
9.	Muhadir Haji Joll <sup>15</sup>	Antara sifat berikut yang manakah dikenali sebagai sifat salbiyyah?	Wujud Qidam Baqa' Mukhaalafatuhu li al-Hawadith Qiyamuhu bi Nafsihi Wahdaniyyah
10.	<i>Ibid</i>	Antara berikut yang manakah bukan daripada sifat ma'ani?	Basar Kalam Iradah Tiada jawapan di atas
11.	<i>Ibid</i>	Adakah penting untuk memahami sifat ma'ani dengan benar?	Ya Tidak Tidak Pasti
12.	<i>Ibid</i>	Sekiranya ya, apakah sebabnya?	Supaya dapat berpegang kepada zahir sifat tersebut dengan beriktihad sifat yang selayaknya bagi Allah SWT Supaya dapat mentanzihkan (menyucikan) Allah SWT daripada serupa dengan makhluk

<sup>14</sup> Rosli Ishak, "Pengajian Sifat Dua Puluh: Suatu Kajian di Kuala Terengganu," (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2005), 43.

<sup>15</sup> Muhadir, *Sifat 20*, 45.

			Supaya dapat mentakwilkan kepada sifat yang selayaknya bagi Allah SWT
13.	Ishak Rosli <sup>16</sup>	Adakah Imam al-Asy'ari berpegang kepada semua 20 sifat tersebut?	Ya Tidak Tidak Pasti
14.	Muhadir Haji Joll <sup>17</sup>	Kenapa ada setengah ulama' tidak menyebutkan sifat ma'nawiyah sebagai sifat Allah SWT?	Sifat itu sudah melazim pada sifat ma'ani Akan berlakunya banyak qidam bagi Allah SWT Tidak pasti
15.	<i>Ibid</i>	Antara berikut yang manakah sifat ma'nawiyah?	Basar Kaunuhu Muridan Kalam Iradah Tiada jawapan di atas

c. Tanggapan Responden Terhadap Sifat 20.

Bil.	Literatur	Item
1.	Latifah Ariffin, "Penting Untuk Pelajari dan Fahami Sifat 20," <sup>18</sup>	Sebagai pelajar Akademi Pengajian Islam, saya merasakan sifat 20 amat penting untuk difahami oleh setiap Muslim.
2.	Ishak Rosli, Pengajian Sifat Dua Puluh: Suatu Kajian di Kuala Terengganu <sup>19</sup>	Saya merasakan pengajian sifat 20 tidak perlu dititik beratkan.
3.	<i>Ibid</i>	Pengajian sifat 20 perlu dipelajari daripada peringkat sekolah lagi.
4.	<i>Ibid</i>	Pengajian akidah melalui sifat 20 perlu mengikut keadaan semasa dengan mengubah corak pembelajaran yang lebih sesuai.
5.	<i>Ibid</i>	Sifat 20 tidak dibantu oleh infografik, tetapi hanya bergantung kepada kitab kuning sahaja.
6.	<i>Ibid</i>	Pengajian sifat 20 agak mudah untuk difahami.
7.	<i>Ibid</i>	Saya tidak menjumpai huraian yang lebih efektif tentang sifat 20.
8.	<i>Ibid</i>	Perbincangan sifat 20 telah menyebabkan saya menjadi lalai daripada memahami persoalan akidah yang sebenar.
9.	<i>Ibid</i>	Saya merasakan perbincangan sifat 20 menyebabkan pemikiran masyarakat menjadi sempit dalam memahami akidah.
10.	Murni <sup>20</sup>	Pelajar yang mengenali sifat-sifat Allah SWT akan mengenali dirinya sendiri.

<sup>16</sup> Rosli, Pengajian Sifat Dua Puluh.

<sup>17</sup> Muhadir, *Sifat 20*, 69.

<sup>18</sup> Latifah Ariffin, "Penting Untuk Pelajari dan Fahami Sifat 20," *Berita Harian*, 19 Ogos 2022.

<sup>19</sup> Rosli, Pengajian Sifat Dua Puluh.

<sup>20</sup> Murni, "Konsep Ma'rifatullah Menurut al-Ghazali: Suatu Kajian Tentang Implementasi Nilai-nilai Akhlak al-Karimah," *Journal of Islamic Studies* 2.1 (2015), 124.

11.	Latifah Ariffin, “Penting Untuk Pelajari dan Fahami Sifat 20,” <sup>21</sup>	Dengan mempelajari sifat 20, saya mampu menapis serangan pemikiran yang ada di luar sana.
12.	Yusri & Mohd Syukri <sup>22</sup>	Dengan mempelajari sifat 20, saya dapat mengetahui hakikat sebenar bahawa manusia perlu mengenal kepada Tuhan.

### Hasil Kajian

Dalam bab ini, penulis menjelaskan hasil kajian yang dijalankan ke atas seramai 170 responden pelajar Ijazah Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang mana ia terdiri daripada 13 program pengajian. Selain itu, penulis menganalisis dapatan pada setiap bahagian soalan yang dikumpulkan.

### Demografi Responden

Jadual 1.1: Jantina Responden

Item	Kekerapan	Peratus
Lelaki	58	34.1
Perempuan	112	65.9
Jumlah	170	100

Jadual 1.1 menunjukkan jumlah bilangan responden berdasarkan jantina lelaki dan perempuan yang dijalankan di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Daripada jumlah 170 orang responden, 58 (34.1%) terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 112 orang responden (65.9%) terdiri daripada pelajar perempuan.

Jadual 1.2: Umur Responden

Item	Kekerapan	Peratus
18-20 Tahun	16	9.4
21-25 Tahun	152	89.4
26-30 Tahun	2	1.2
Jumlah	170	100

Jadual 1.2 menunjukkan peringkat umur pelajar dari lingkungan 18-20 tahun, 21-25 tahun, dan 26-30 tahun. Hasil dapatan menunjukkan sebanyak 16 orang (9.4%) berada dalam lingkungan umur 18-20 tahun. Seterusnya, sebanyak 152 orang (89.4%) berada dalam lingkungan umur 21-25 tahun dan seramai 2 orang bersamaan (1.2%) berada dalam lingkungan umur 26-30 tahun.

Jadual 1.3: Program Pengajian

Item	Kekerapan	Peratus
Ijazah Sarjana Muda Syariah (Ekonomi)	12	7.1
Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul)	11	6.5
Ijazah Sarjana Muda Syariah (Pengurusan)	13	7.6
Ijazah Sarjana Muda Syariah (Siasah Syar’iyyah)	8	4.7
Ijazah Sarjana Muda Syariah (Undang-undang)	12	7.1
Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam)	18	10.6
Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (al-Quran dan al-Hadith)	13	7.6

<sup>21</sup> Latifah, “Penting Untuk Pelajari”.

<sup>22</sup> Yusri Mohamad Ramli & Mohd Syukri Yeoh Abdullah, “Ma’rifatullah Menurut Shaykh Hamzah Fansuri,” *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 4.3 (2016), 45.

Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Islam)	10	5.9
Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam)	11	6.5
Program Astronomi Islam	8	4.7
Program Pendidikan Islam (Pendidikan Islam)	15	8.8
Program Pendidikan Islam (Pengajian al-Quran)	15	8.8
Program Pengajian Islam dan Sains	24	14.1
Jumlah	170	100

Jadual 1.3 menunjukkan taburan pelajar mengikut program pengajian di Akademi Pengajian Islam, Unievrstity Malaya. Hasil kajian mendapati sebanyak 12 orang (7.1%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah (Ekonomi). Seramai 11 orang (6.5%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah (Fiqh dan Usul), 13 orang (7.6%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah (Pengurusan), manakala 8 orang (4.7%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda (Siasah Syar'iyah). Seterusnya, seramai 12 orang (7.1%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah (Undang-undang), 18 orang (10.6%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Akidah dan Pemikiran Islam), 13 orang (7.6%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Musa Usuluddin (Al-Quran dan al-Hadith), 10 orang (5.9%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Dakwah dan Pembangunan Insan), manakala 11 orang (6.5%) terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Usuluddin (Sejarah dan Tamadun Islam). Kemudian, seramai 8 orang (4.7%) terdiri daripada pelajar Program Astronomi Islam, 15 orang (8.8%) terdiri daripada pelajar Program Pendidikan Islam (Pendidikan Islam), 15 orang (8.8%) terdiri daripada pelajar Program Pendidikan Islam (Pengajian al-Quran) dan 24 orang (14.1%) terdiri daripada pelajar Program Pengajian Islam dan Sains.

Jadual 1.4: Tahun Pengajian

Item	Kekerapan	Peratus
Tahun 1	20	11.8
Tahun 2	34	20
Tahun 3	23	13.5
Tahun 4	93	54.7
Jumlah	170	100.0

Jadual 1.4 menunjukkan taburan pelajar mengikut tahun pengajian. Hasil kajian dapati seramai 20 orang (11.8%) terdiri daripada pelajar tahun 1, manakala sebanyak 34 orang (20%) terdiri daripada pelajar tahun 2, sebanyak 23 orang (13.5%) terdiri daripada pelajar tahun 3 dan seramai 93 orang (54.7%) terdiri daripada pelajar tahun 4.

### **Pengetahuan Pelajar APIUM Terhadap Sifat 20.**

Pengetahuan dan kefahaman merupakan konsep yang saling berkait. Setiap pengetahuan terhadap sesuatu perkara adalah faktor kognitif. Kefahaman terhadap sesuatu dapat ditingkatkan dengan mempunyai pengetahuan yang luas. Seterusnya, dengan kefahaman tersebut dapat membantu individu untuk menilai lalu akan terbentuk satu tanggapan terhadap perkara tersebut. Oleh itu, penulis merangka beberapa soalan untuk dijawab oleh responden. Soalan yang ditanya merupakan antara pokok perbincangan yang terdapat dalam sifat 20. Berikut merupakan hasil data kajian bagi soalan tersebut:

**Analisis Peratusan Pelajar yang Mengetahui Sifat 20.**

Jadual 1.5: Peratusan Pelajar yang Mengetahui Sifat 20 Sebelum Ini

Item	Kekerapan	Peratus
Tidak	1	0.6
Ya	169	99.4
Jumlah	170	100.0

Berdasarkan jadual 1.5 di atas, menunjukkan peratusan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang mengetahui dan mempelajari sifat 20 sebelum ini. Hasil daripada data tersebut menunjukkan seramai 169 orang (99.4) menjawab ‘Ya’ bahawa mereka mengetahui sifat 20 sebelum ini, manakala hanya seorang (0.6%) sahaja menjawab ‘Tidak’ mengetahui sifat 20 sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa, hampir seluruh pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pernah mengetahui dan mempelajari sifat 20 sebelum ini.

Jadual 1.6: Peratusan Pelajar yang Menjawab ‘Ya’ Mengetahui Sifat 20 Sebelum Ini

Item	Kekerapan	Peratus
Sekolah Menengah Agama	57	33.5
Sekolah Rendah Agama	83	48.8
Sijil Tinggi Agama	4	2.4
Universiti	25	14.7
Jumlah	170	100.0

Seterusnya, jadual 1.6 di atas menunjukkan bahawa peratusan pelajar yang menjawab ‘Ya’ mengetahui sifat 20 sebelum ini sebanyak 57 orang (33.7%) daripada Sekolah Menengah Agama, sebanyak 4 orang (2.4%) daripada Sijil Tinggi Agama, sebanyak 25 orang (14.8%) daripada Universiti, dan sebanyak 83 orang (49.1%) daripada Sekolah Rendah Agama. Hasil ini menunjukkan bahawa kebanyakannya pelajar mengetahui dan mempelajari sifat 20 sebelum ini di sekolah Rendah Agama berbanding Sekolah Menengah Agama, Sijil Tinggi Agama dan Universiti.

Jadual 1.7: Peratusan Pelajar Mengetahui Maksud Sifat 20

Item	Kekerapan	Peratus
Sifat-sifat Allah SWT	167	98.2
Sifat-sifat Malaikat	2	1.2
Sifat-sifat manusia	1	0.6
Jumlah	170	100

Tambahan itu, jadual 1.7 di atas menunjukkan peratusan bagi persoalan apa yang dimaksudkan dengan sifat 20. Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 167 orang (98.2%) pelajar menjawab dengan tepat, sifat 20 bermaksud sifat Allah SWT, manakala seramai 2 orang (1.2%) menjawab sifat-sifat malaikat, dan seorang (0.6%) menjawab sifat-sifat manusia. Hasil kajian ini mendapati kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya memahami dengan tepat maksud sifat 20 yang sebenar, namun terdapat pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya yang masih keliru dengan sifat Allah SWT dan sifat malaikat yang pernah mereka pelajari.

### Pengetahuan Pelajar APIUM Mengenai Sejarah Sifat 20.

Penulis mengemukakan beberapa soalan berkaitan sejarah sifat 20. Soalan tersebut terdiri daripada adakah perbincangan sifat 20 telah berlaku pada zaman Rasulullah SAW dan zaman sahabat, siapakah yang mula membincangkan sifat 20 seperti mana yang dipelajari sekarang, dan kenapa perbincangan sifat Allah SWT dihadkan kepada 20 sahaja?. Hasil daripada kajian tersebut dibincangkan sebagaimana di bawah:

Jadual 1.8: Peratusan Pengetahuan Pelajar Mengenai Adakah Perbincangan Sifat 20 Telah Ada Pada Zaman Rasulullah SAW

Item	Kekerapan	Jumlah
Betul	78	45.9
Salah	92	54.1
Total	170	100.0

Jadual 1.8 di atas menunjukkan seramai 78 orang (45.9%) pelajar memberikan jawapan ‘betul’ bahawa sifat 20 telah mula dipelajari pada zaman Rasulullah SAW dan juga zaman sahabat. Manakala, seramai 92 orang (54.1%) memberikan jawapan yang tepat iaitu ‘tidak’ perbincangan sifat 20 tidak berlaku semasa zaman Rasulullah SAW dan sahabat. Situasi di atas menggambarkan ramai dalam kalangan pelajar APIUM yang dapat memahami dengan baik sejarah kemunculan sifat 20.

Jadual 1.9: Peratusan Pengetahuan Pelajar Mengenai Ulama yang Memulakan Perbincangan Sifat 20.

Item	Kekerapan	Peratus
Abu Hassan al-Asy’ari	49	28.8
Abu Mansur al-Maturidi	14	8.2
Imam al-Sanusi	49	28.8
Rasulullah SAW	9	5.3
Tidak pasti	49	28.8
Jumlah	170	100

Berdasarkan jadual 1.9 di atas, 49 orang (28.8%) pelajar memberikan jawapan yang tepat bahawa perbincangan sifat 20 dimulakan oleh Imam al-Sanusi. Manakala, yang selebihnya menjawab 49 orang (28.8%) dimulakan oleh Imam Abu Hassan al-Asy’ari, 49 orang, 14 orang (8.2%) dimulakan oleh Imam Abu Hassan al-Maturidi, 9 orang (5.3%) dimulakan oleh Rasulullah SAW dan 49 orang (28.8%) pelajar menjawab tidak pasti. Berdasarkan hasil kajian di atas, didapati bahawa pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya masih keliru tentang tokoh ulama yang memulakan perbincangan sifat 20.

Jadual 1.10: Peratusan Pengetahuan Pelajar Tujuan Dihadkan Perbincangan Kepada 20 Sifat Sahaja

Item	Kekerapan	Peratus
Sebab sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT terlalu banyak.	43	25.3
Supaya lebih memudahkan orang Islam mengetahui sifat-sifat Allah SWT.	58	34.1
Telah berlaku pencampuran di dalam penulisan akidah Islam dengan ilmu falsafah sehingga mengelirukan orang awam dalam memahami ilmu akidah.	69	40.6
Jumlah	170	100

Jadual 1.10 menunjukkan seramai 69 orang (40.6%) memberikan jawapan tujuan sebenar Imam al-Sanusi menghadkan perbincangan sifat kepada 20 sifat iaitu kerana telah berlaku pencampuran dalam penulisan akidah Islam dengan ilmu falsafah sehingga mengelirukan orang awam dalam memahami ilmu akidah. Manakala, selebihnya memberi jawapan asas tujuan tersebut iaitu seramai 43 orang (25.3%) menjawab sebab sifat yang wajib bagi Allah SWT terlalu banyak dan seramai 58 orang (34.1%) menjawab supaya lebih memudahkan orang Islam mengetahui sifat Allah SWT. Hasil di atas menunjukkan, kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mengetahui tujuan sebenar perbincangan sifat dihadkan kepada 20 sifat sahaja.

**Pengetahuan Pelajar Mengenai Pembahagian Sifat 20.**

Penulis bertanya beberapa soalan berkaitan dengan pembahagian sifat 20. Soalan tersebut terdiri daripada berapakah pembahagian sifat 20, sifat yang terkandung bagi setiap bahagian, mengapakah penting memahami sifat ma’ani dengan benar dan pegangan Imam al-Asy’ari terhadap sifat 20. Berikut merupakan hasil data daripada kajian tersebut:

Jadual 1.11: Peratusan Pelajar Mengetahui Bilangan Bahagian Sifat 20

Item	Kekerapan	Peratus
Dua	12	7.1
Empat	97	57.1
Tidak Pasti	39	22.9
Tiga	22	12.9
Jumlah	170	100.0

Berdasarkan jadual 1.11 di atas, separuh daripada responden (57.1%) menjawab dengan tepat sifat 20 terbahagi kepada empat bahagian, manakala selebihnya seramai 12 orang (7.1%) menjawab dua bahagian, 22 orang (12.9%) menjawab tiga bahagian dan 39 orang (22.9%) menjawab tidak pasti. Hasil kajian di atas menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan pembahagian sifat 20.

Jadual 1.12: Peratusan Pelajar Mengetahui Sifat yang Menafikan Perkara Tidak Layak Bagi Allah SWT

Item	Kekerapan	Peratus
Sifat Ma'ani	6	3.5
Sifat Ma'nawi	5	2.9
Sifat Nafsiyyah	10	5.9
Sifat Salbiyyah	109	64.1
Tidak Pasti	40	23.5
Jumlah	170	100

Jadual 1.12 di atas menunjukkan sebahagian besar pelajar iaitu seramai 109 orang (64.1%) memberikan jawapan yang tepat sifat salbiyyah ialah sifat yang menafikan perkara yang tidak layak bagi Allah SWT. Manakala, seramai 6 orang (3.5%) pelajar menjawab sifat ma’ani, 5 orang (2.9%) menjawab sifat ma’nawi, 10 orang (5.9%) menjawab menjawab sifat nafsiyyah dan seramai 40 orang (23.5%) pelajar menjawab tidak pasti. Ini menunjukkan, bahawa kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam mempunyai tahap kefahaman yang baik tentang sifat salbiyyah.

Jadual 1.13: Peratusan Pengetahuan Pelajar Mengenai Sifat Salbiyyah

Item	Kekerapan	Peratus
Baqa'	2	1.2
Baqa', Mukhalafatuhu lil Hawadith	1	0.6
Mukhalafatuhu lil Hawadith	13	7.6
Mukhalafatuhu lil Hawadith, Qiyamuhu bi Nafsihi	11	6.5
Mukhalafatuhu lil Hawadith; Qiyamuhu bi Nafsihi, Wahdaniyyah	2	1.2
Qidam	12	7.1
Qidam, Baqa'	4	2.4
Qidam, Baqa', Mukhalafatuhu lil Hawadith, Qiyamuhu bi Nafsihi	5	2.9
Qidam, Baqa', Mukhalafatuhu lil Hawadith, Qiyamuhu bi Nafsihi, Wahdaniyyah	74	43.5
Qidam, Baqa', Mukhalafatuhu lil Hawadith, Wahdaniyyah	1	0.6
Qiyamuhu bi Nafsihi	3	1.8
Wahdaniyyah	12	7.1
Wujud	13	7.6
Wujud, Baqa'	1	0.6
Wujud, Qidam, Baqa'	5	2.9
Wujud, Qidam, Baqa', Mukhalafatuhu lil Hawadith, Qiyamuhu bi Nafsihi	3	1.8
Wujud, Qidam, Baqa', Mukhalafatuhu lil Hawadith, Qiyamuhu bi Nafsihi, Wahdaniyyah	6	3.5
Wujud, Qidam, Baqa', Wahdaniyyah	1	0.6
Wujud, Qidam, Qiyamuhu bi Nafsihi	1	0.6
Jumlah	170	100

Jadual 1.13 menunjukkan seramai 74 orang (43.5%) yang dapat menyatakan dengan tepat kelima-lima sifat salbiyyah tersebut. Seramai 5 orang (2.9%) hanya dapat menyatakan empat sahaja sifat salbiyyah dengan tepat tanpa menjawab *wahdaniyyah*, manakala seorang (0.6%) tanpa menjawab *qiyamuhu binafsihi*. Dan terdapat beberapa orang pelajar hanya menjawab satu, dua dan tiga daripada kelima-lima sifat salbiyyah tersebut. Manakala, ada juga sebilangan pelajar yang menyatakan wujud sebagai sifat salbiyyah, namun seperti yang diketahui wujud merupakan sifat yang terkandung di bawah sifat nafsiyyah. Berdasarkan maklumat di atas, menggambarkan bahawa kefahaman pelajar APIUM tentang sifat salbiyyah adalah baik.

Jadual 1.14: Peratusan Pelajar Mengetahui Mengenai Sifat Ma'ani

Item	Kekerapan	Peratus
Basar	11	6.5
Iradah	19	11.2
Kalam	8	4.7
Tiada jawapan di atas	132	77.6
Jumlah	170	100

Berdasarkan jadual 1.14 di atas, hampir kesemua responden (77.6%) memberikan jawapan yang tepat bahawa berdasarkan pilihan jawapan tersebut tiada yang bukan sifat ma'ani. Ketiga-tiga pilihan jawapan tersebut merupakan sifat ma'ani. Manakala, seramai 11 orang (6.5%) pelajar menjawab sifat basar bukan lah sebahagian sifat ma'ani, 19 orang (11.2%)



pelajar menyatakan sifat iradah dan 8 orang (4.7%) pelajar menyatakan sifat kalam. Justeru, sebahagian besar pelajar APIUM mempunyai tahap kefahaman baik berkaitan sifat ma`ani.

Jadual 1.15: Peratusan Pandangan Pelajar Terhadap Kepentingan Memahami Sifat Ma`ani dengan Benar

Item	Kekerapan	Peratus
Tidak	2	1.2
Tidak Pasti	13	7.6
Ya	155	91.2
Total	170	100.0

Berdasarkan jadual 1.15 di atas, seramai 155 orang (91.2%) pelajar memberikan jawapan ‘Ya’ bahawa penting untuk memahami sifat ma`ani dengan benar. Kemudian, seramai 2 orang (1.2%) pelajar menyatakan ‘tidak’ dan seramai 13 orang (7.6%) pelajar tidak adakah penting atau tidak untuk memahami sifat ma`ani dengan benar. Oleh itu, jadual di atas menunjukkan bahawa kefahaman pelajar APIUM berkaitan memahami sifat ma`ani adalah sangat baik.

Jadual 1.16: Peratusan Pengetahuan Pelajar Akan Sebab Pentingnya Memahami Sifat Ma`ani dengan Benar.

Item	Kekerapan	Peratus
Ralat	5	2.9
Supaya dapat berpegang kepada zahir sifat tersebut dengan beriktihad sifat yang selayaknya bagi Allah SWT	50	29.4
Supaya dapat mentakwilkan kepada sifat-sifat yang selayaknya bagi Allah SWT.	28	16.5
Supaya dapat mentanzihkan (menyucikan) Allah SWT daripada serupa dengan makhluk.	87	51.2
Jumlah	170	100.0

Berdasarkan jadual 1.16 di atas, dapat dilihat seramai 87 orang (51.2%) pelajar dapat menyatakan dengan tepat pentingnya untuk memahami sifat ma`ani dengan benar adalah supaya dapat mentanzihkan (menyucikan) Allah SWT daripada serupa dengan makhluk, manakala seramai 50 orang (50%) berpendapat kepentingannya adalah supaya dapat berpegang kepada zahir sifat tersebut dengan beriktihad sifat yang selayaknya bagi Allah SWT, dan seramai 28 orang (16.5%) menyatakan kepentingannya tersebut adalah untuk mentakwilkan kepada sifat yang selayaknya bagi Allah SWT. Hasil daripada kajian ini menunjukkan, kebanyakan pelajar APIUM memiliki pengetahuan baik berkaitan sebab memahami sifat ma`ani.

Jadual 1.17: Peratusan Pengetahuan Pelajar Mengenai Pegangan Imam al-Asy`ari

Item	Kekerapan	Peratus
Tidak	25	14.7
Tidak Pasti	78	45.9
Ya	67	39.4
Jumlah	170	100

Berdasarkan jadual 1.17 di atas, di dapati seramai 25 orang (14.7%) pelajar menjawab ‘tidak’ bahawa Imam al-Asyari tidak berpegang kepada semua 20 sifat. Manakala, seramai 78

orang (45.9%) pelajar tidak pasti sama ada Imam al-Asy'ari berpegang kepada semua sifat 20 tersebut dan seramai 67 orang (39.4%) menjawab ya. Hasil daripada kajian di atas, didapati kebanyakan pelajar APIUM tidak mempunyai pengetahuan baik berkaitan jumlah sifat Allah SWT yang dipegang Imam al-Asy'ari

Jadual 1.18: Peratusan Pengetahuan Pelajar Mengenai Sifat Ma'nawiyah

Item	Kekerapan	Peratus
Akan berlakunya banyaknya qidam bagi Allah SWT	12	7.1
Sifat itu sudah melazim pada sifat ma'ani	84	49.4
Tidak Pasti	74	43.5
Total	170	100

Berdasarkan jadual 1.18 di atas, seramai 84 orang (49.4%) pelajar memberikan jawapan yang tepat bahawa terdapat sesetengah ulama tidak menyebut sifat ma'nawiyah kerana sifat itu sudah melazim pada sifat ma'ani. Manakala, seramai 12 orang (7.1%) pelajar menjawab kerana akan berlakunya banyaknya qidam bagi Allah SWT dan seramai 74 orang (43.5%) pelajar menjawab tidak pasti. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar APIUM mempunyai pengetahuan baik berhubung pengertian sifat ma'nawiyah.

Jadual 1.19: Peratusan Pengetahuan Pelajar Mengenai Sifat yang Terkandung dalam Sifat Ma'nawiyah

Item	Kekerapan	Peratus
Basar	12	7.1
Iradah	8	4.7
Kalam	6	3.5
Kawnuhu Muridan	122	71.8
Tiada jawapan di atas	22	12.9
Jumlah	170	100

Berdasarkan jadual 1.19 di atas, seramai 122 orang (71.8%) pelajar menjawab dengan tepat bahawa kawnuhu muridan merupakan salah satu daripada sifat ma'nawiyah. Manakala, seramai 12 orang (7.1%) pelajar menjawab sifat basar, 8 orang (4.7%) pelajar menjawab sifat iradah, 6 orang (3.5%) pelajar menjawab sifat kalam, dan seramai 22 orang (12.9%) pelajar menjawab tidak pasti. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa, kebanyakan pelajar APIUM mempunyai pengetahuan baik berkaitan sifat yang terkandung dalam sifat ma'nawiyah.

### **Tanggapan Pelajar APIUM Terhadap Sifat 20.**

Setelah memahami pengetahuan responden terhadap sifat 20, penulis mengemukakan beberapa soalan bagi menganalisis tanggapan responden terhadap sifat 20 sama ada tanggapan tersebut berbentuk positif mahupun negatif. Pernyataan ini menggunakan skala likert daripada 1 sangat tidak setuju (STS), 2 tidak setuju (TS), 3 tidak pasti (TP), 4 setuju (S) dan 5 sangat setuju (SS). Hasil daripada kajian tersebut dibincangkan sebagaimana di bawah:

### **Tanggapan Pelajar APIUM Terhadap Pengajian Sifat 20.**

Pengkaji mengemukakan beberapa soalan kepada pelajar bagi mengetahui tanggapan pelajar APIUM terhadap pengajian sifat 20. Soalan tersebut berkisar tentang kepentingan memahami sifat 20 oleh setiap Muslim, sejauhmanakah pengajian sifat 20 perlu dititik beratkan, dan keperluan mempelajari diperingkat sekolah lagi. Berikut merupakan hasil data kajian tersebut:

Jadual 1.20: Peratusan Tanggapan Pelajar Terhadap Pengajian Sifat 20.

Soalan Tanggapan Pelajar Terhadap Pengajian Sifat 20.	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)
Sebagai pelajar Akademi Pengajian Islam, saya merasakan sifat 20 amat penting untuk difahami oleh setiap Muslim.	Null	(1.2%) (2)	(2.9%) (5)	(14.1%) (24)	(81.8%) (139)
Saya merasakan pengajian sifat 20 tidak perlu dititik beratkan.	(68.2%) (116)	(15.9%) (27)	(4.1%) (7)	(5.3%) (9)	(6.5%) (11)
Pengajian sifat 20 perlu dipelajari daripada peringkat sekolah lagi.	(1.2%) (2)	(2.4%) (4)	(4.1%) (7)	(21.8%) (37)	(70.6%) (120)

Berdasarkan jadual 1.20 di atas, didapati kebanyakan pelajar memberi jawapan yang sangat positif berbanding negatif. Seramai 139 orang (81.8%) pelajar memberi respons sangat setuju bahawa sifat 20 amat penting untuk difahami oleh setiap Muslim, manakala seramai 24 orang (14.1%) pelajar bersetuju, seramai 5 orang (2.9%) menyatakan tidak pasti dan sebanyak 2 orang (1.2%) pelajar tidak setuju sifat 20 penting untuk difahami oleh setiap Muslim. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar APIUM bersetuju tentang kepentingan memahami sifat 20 oleh setiap Muslim.

Seterusnya, seramai 11 orang (6.5%) pelajar memberi respons sangat setuju kepada pertanyaan bahawa pengajian sifat 20 tidak perlu dititik beratkan, seramai 9 orang (5.3%) pelajar bersetuju, seramai 7 orang (4.1%) pelajar menyatakan tidak pasti. Manakala, seramai 27 orang (15.9%) pelajar menyatakan tidak setuju dan seramai 116 orang (68.2%) pelajar menyatakan sangat tidak setuju terhadap pernyataan tersebut. Ini menunjukkan bahawa, kebanyakan pelajar APIUM bertanggapan pengajian sifat 20 perlu untuk dititik beratkan.

Bagi pernyataan adakah pengajian sifat 20 perlu dipelajari daripada peringkat sekolah lagi, seramai 120 orang (70.6%) pelajar menyatakan sangat setuju, seramai 37 orang (21.8%) pelajar bersetuju, sebanyak 7 orang (4.1%) menyatakan tidak pasti, manakala seramai 4 orang (2.4%) pelajar merasa tidak setuju dan sebanyak 2 orang (1.2%) pelajar menyatakan sangat tidak setuju. Ini menunjukkan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sangat setuju sekiranya pengajian sifat 20 perlu didehkan dan dipelajari daripada peringkat sekolah lagi.

### **Tanggapan Pelajar APIUM Terhadap Corak Pengajian Sifat 20.**

Beberapa ayat penyata telah dikemukakan kepada pelajar bagi mengetahui tanggapan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap corak pengajian sifat 20, samada pengajian sifat 20 perlu dibantu oleh infografik ataupun tidak, dan sejauhmanakah pengajian sifat 20 perlu diubah corak pembelajaran yang lebih sesuai dan adakah pengajian sifat 20 mudah untuk difahami. Berikut merupakan hasil kajian tersebut:

Jadual 1.21: Peratusan Tanggapan Pelajar Terhadap Corak Pengajian Sifat 20.

Soalan Tanggapan Pelajar Terhadap Corak Pengajian Sifat 20.	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)
Pengajian akidah melalui sifat 20 perlu mengikut keadaan semasa dengan mengubah corak pembelajaran yang lebih sesuai.	(3.5%) (6)	(4.1%) (7)	(19.4%) (33)	(30%) (51)	(42.9%) (73)

Sifat 20 tidak dibantu oleh infografik, tetapi hanya bergantung kepada kitab kuning sahaja.	(18.8%) (32)	(31.2%) (53)	(32.9%) (56)	(10%) (17)	(7.1%) (12)
Pengajian sifat 20 agak mudah untuk difahami.	(2.9%) (5)	(15.9%) (27)	(32.9%) (56)	(34.1%) (58)	(14.1%) (24)
Saya tidak menjumpai huraian yang lebih efektif tentang sifat 20.	(14.7%) (25)	(18.8%) (32)	(39.4%) (67)	(19.4%) (33)	(7.6%) (13)

Berdasarkan jadual 1.21 di atas, tanggapan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap corak pengajian sifat 20 agak positif berbanding negatif. Seramai 73 orang (42.9%) pelajar menyatakan sangat setuju sekiranya pengajian akidah melalui sifat 20 perlu mengikut keadaan semasa dengan mengubah corak pembelajaran yang lebih sesuai, seramai 51 orang (30%) pelajar bersetuju, seramai 33 orang (19.4%) pelajar tidak bersetuju dan seramai 6 orang (3.5%) pelajar sangat tidak setuju. Hasil ini menunjukkan bahawa pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya beranggapan corak pengajian sifat 20 perlu disesuaikan mengikut keadaan semasa dengan mengubah corak pembelajaran yang lebih relevan.

Seterusnya, bagi penyataan sifat 20 tidak dibantu oleh infografik, tetapi hanya bergantung kepada kitab kuning sahaja, seramai 12 orang (7.1%) pelajar memberikan respons sangat setuju, seterusnya, seramai 17 orang (10%) pelajar bersetuju, seramai 56 orang (32.9%) pelajar tidak pasti, seramai 53 orang (31.2%) tidak setuju dan seramai 32 orang (18.8%) sangat tidak setuju. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa ramai pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tidak jelas tentang kesesuaian pengajian sifat 20 samada dibantu oleh infografik atau hanya bergantung kepada kitab kuning semata-mata.

Seterusnya, seramai 24 orang (14.1%) pelajar memberi respons sangat setuju bahawa pengajian sifat 20 agak mudah untuk difahami. Manakala seramai 58 orang (34.1%) pelajar bersetuju, seramai 56 orang (32.9%) pelajar tidak pasti, seramai 27 orang (15.9%) pelajar tidak bersetuju dan seramai 5 orang (2.9%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan ramai dalam kalangan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mengakui pengajian sifat 20 agak mudah difahami.

Penyataan yang terakhir, saya tidak menjumpai huraian yang lebih efektif tentang sifat 20, seramai 13 orang (7.6%) pelajar menyatakan sangat setuju, seramai 33 orang (19.4%) pelajar bersetuju, seramai 67 orang (39.4%) tidak pasti, seramai 32 orang (18.8%) tidak bersetuju dan seramai 25 orang (14.7%) merespons sangat tidak setuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kurang maklumat berkaitan rujukan sifat 20. Justeru, tidak asing sekiranya ramai yang menjawab dengan tidak pasti..

### **Tanggapan Pelajar Terhadap Perbincangan Sifat 20.**

Penulis memberi beberapa soalan berbentuk ayat penyata kepada pelajar bagi mengetahui tanggapan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap perbincangan sifat 20. Ia terdiri daripada adakah perbincangan sifat 20 menyebabkan mereka menjadi lalai daripada memahami persoalan akidah yang sebenar dan juga membuatkan pemikiran masyarakat menjadi semakin sempit dalam memahami akidah?. Hasil daripada kajian ini dinyatakan sebagaimana di bawah:

Jadual 1.22: Peratusan Pelajar Terhadap Perbincangan Sifat 20.

Soalan Tanggapan Pelajar Terhadap Perbincangan Sifat 20.	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)
Perbincangan sifat 20 telah menyebabkan saya menjadi lalai daripada memahami persoalan akidah yang sebenar.	(48.8%) (83)	(27.1%) (46)	(17.1%) (29)	(6.5%) (11)	(0.6%) (1)
Saya merasakan perbincangan sifat 20 menyebabkan pemikiran masyarakat menjadi sempit dalam memahami akidah.	(53.5%) (91)	(22.9%) (39)	(12.9%) (22)	(10%) (17)	(0.6%) (1)

Berdasarkan jadual 1.22 di atas, tanggapan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap perbincangan sifat 20 adalah positif. Hanya seorang (0.6%) pelajar memberi respons sangat setuju bahawa perbincangan sifat 20 menyebabkan dia menjadi lalai daripada memahami persoalan akidah yang sebenar, manakala seramai 11 orang (6.5%) pelajar bersetuju, seramai 29 orang (17.1%) pelajar tidak pasti, seramai 46 orang (27.1%) tidak setuju dan seramai 83 orang (48.8%) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya beranggapan bahawa dengan pengajian sifat 20 tidak akan menyebabkan mereka menjadi lalai daripada memahami persoalan akidah yang sebenar.

Seterusnya, terdapat seorang (0.6%) pelajar memberi respons sangat setuju bahawa perbincangan sifat 20 akan menyebabkan pemikiran masyarakat menjadi sempit dalam memahami akidah, kemudian seramai 17 orang (10%) pelajar bersetuju, seramai 22 orang (12.9%) tidak pasti, seramai 39 orang (22.9%) tidak bersetuju dan seramai 91 orang (53.5%) respond sangat tidak setuju. Hasil ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya tidak bersetuju sekiranya dengan perbincangan sifat 20 akan menyebabkan pemikiran masyarakat menjadi sempit dalam memahami akidah.

### **Tanggapan Pelajar Terhadap Kepentingan Sifat 20.**

Beberapa soalan dikemukakan kepada pelajar dalam ayat penyata bagi mengetahui tanggapan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap kepentingan sifat 20. Soalan-soalan terdiri daripada adakah dengan mengenali sifat 20 kita dapat mengenali diri sendiri, dengan mempelajari sifat 20 adakah dapat membantu para pelajar menapis serangan pemikiran di luar sana dan adakah dengan sifat 20 para pelajar dapat mengetahui hakikat sebenar manusia perlu mengenal Tuhan. Hasil daripada kajian tersebut dinyatakan sebagaimana di bawah:

Jadual 1.23: Tanggapan Pelajar Terhadap Kepentingan Sifat 20

Soalan Tanggapan Pelajar Terhadap Corak Pengajian Sifat 20.	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)
Pelajar yang mengenali sifat-sifat Allah SWT akan mengenali dirinya sendiri.	(4.1%) (7)	(2.9%) (5)	(22.9%) (39)	(33.5%) (57)	(36.5%) (62)
Dengan mempelajari sifat 20, saya mampu menapis serangan pemikiran yang ada di luar sana.	(1.8%) (3)	(1.2%) (20)	(12.9%) (22)	(30.6%) (52)	(53.5%) (91)
Dengan mempelajari sifat 20, saya dapat mengetahui hakikat sebenar bahawa manusia perlu mengenal kepada Tuhan.	(0.6%) (1)	-	(1.8%) (3)	(25.3%) (43)	(72.4%) (123)

Berdasarkan jadual 1.23 di atas, didapati tanggapan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap kepentingan sifat 20 adalah positif. Seramai 62 orang (36.5%) pelajar memberi respons sangat setuju bahawa dengan mengenali sifat-sifat Allah SWT mereka

akan mengenali dirinya sendiri, seramai 57 orang (33.5%) pelajar bersetuju, seramai 39 orang (22.9%) tidak pasti, seramai 5 orang (2.9%) tidak bersetuju, dan seramai 7 orang (4.1) sangat tidak setuju. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sangat setuju bahawa dengan mengenali sifat Allah SWT mereka dapat mengenali dirinya sendiri.

Seterusnya, seramai 91 orang (53.5%) pelajar sangat setuju bahawa dengan mempelajari sifat 20, mereka mampu menapis serangan pemikiran yang ada di luar sana, seramai 52 orang (30.6%) pelajar bersetuju, seramai 22 orang (12.9%) tidak pasti, seramai 2 orang (1.2%) pelajar tidak setuju dan seramai 3 orang (1.8%) memberi respons sangat tidak setuju. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sangat setuju dengan mempelajari sifat 20 mampu untuk menapis serangan pemikiran daripada luar.

Bagi pernyataan yang terakhir iaitu dengan mempelajari sifat 20, para pelajar dapat mengetahui hakikat sebenar bahawa manusia perlu mengenal Tuhan seramai 123 orang (72.4%) pelajar respons sangat setuju, seramai 43 orang (25.3%) pelajar bersetuju, seramai 3 orang (1.8%) tidak pasti dan seorang (0.6%) pelajar sangat tidak setuju. Berdasarkan kenyataan di atas menunjukkan sebahagian besar pelajar bersetuju dengan mempelajari sifat 20 mereka mampu mengenal Tuhan.

### **Kesimpulan**

Sifat 20 merupakan suatu bentuk pembelajaran ilmu akidah yang membicarakan sifat wajib bagi Allah SWT yang wajib diketahui secara tafsil. Perbincangan sifat 20 mula diperkenalkan oleh al-Sanusi pada kurun ke-9 Hijrah yang mana pada waktu itu masyarakat keliru dalam memahami sifat Allah SWT disebabkan berlakunya pencampuran perbincangan Ketuhanan dengan perbincangan yang bercorak keFalsafahan. Oleh sebab itu, bagi mengelak agar umat Islam tidak terpengaruh dan keliru dengan ilmu falsafah, al-Sanusi memperkenalkan idea perbincangan sifat 20.

Hasil kajian ke atas responden mendapati pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya mempunyai kefahaman yang baik terhadap perbincangan sifat 20. Para responden dapat menjawab setiap persoalan berkaitan sifat 20 dengan tepat dan betul. Malah, tanggapan pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap sifat 20 juga menunjukkan respons yang positif berdasarkan skala likert yang diberikan daripada sangat tidak setuju kepada sangat setuju. Para pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya bersetuju bahawa pengajian sifat 20 masih relevan untuk dijalankan dan ia perlu dititik beratkan bagi setiap Muslim.

Perbincangan mengenai kefahaman pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya terhadap sifat 20 belum pernah dikaji oleh pelajar Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Oleh itu, penulis berpendapat kajian seperti ini perlu diperdalamkan lagi perbincangannya tidak hanya sekadar perbincangan secara dasar. Oleh itu, penulis ingin mencadangkan agar kajian pada masa datang boleh difokuskan kepada kepentingan sifat 20 dalam berhadapan ancaman pemikiran semasa. Hal ini kerana, ancaman pemikiran semakin berleluasa hari ini. Justeru, dengan melihat kepada perkara di atas, penulis mencadangkan agar kajian mendatang akan dapat memberi lebih kesedaran kepada pelajar lain terhadap kepentingan sifat 20.

## **Bibliografi**

- Amirotun Sholikhah, "Statistik Deskriptif dalam Penelitian Kualitatif," *Jurnal Komunika* 10.2 (2016), 342-362.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Jamaludin Ramli. *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan: Teori dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: PTS Proffesional, 2006.
- Faizuri Abd. Latif & Muhammad Hazim Mohd Azhar, "Pengaruh Umm al-Barahin Karya al-Sanusi Terhadap Bakurah al-Amani Karya Wan Ismail al-Fatani dalam Perbahasan Sifat 20," *Jurnal AFKAR* 20.2 (2018), 93-126.
- Fauzi Hussin, Jamal Ali & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. *Kaedah Penyelidikan dan Analisis Data SPSS*. Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2020.
- Latifah Ariffin, "Penting Untuk Pelajari dan Fahami Sifat 20." *Berita Harian*, 19 Ogos 2022.
- Masakaree Ardae@Nik Muhammad Syukri Nik Wan, "Kesejarahan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu," *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah* 2.1 (2014), 51-64.
- Mohd Fauzi Hamat, "Sumbangan Pengajian Akidah dalam Membangun Minda Melayu: Suatu Sorotan Ringkas," *Jurnal AFKAR* 5.1 (2004), 25-44.
- Muhadir Haji Joll. *Sifat 20 Satu Pengenalan Asas*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu, 2020.
- Murni, "Konsep Ma'rifatullah Menurut al-Ghazali: Suatu Kajian Tentang Implementasi Nilai-nilai Akhlak al-Karimah," *Journal of Islamic Studies* 2.1 (2015), 123-146.
- Rosli Ishak, "Pengajian Sifat Dua Puluh: Suatu Kajian di Kuala Terengganu." *Disertasi Sarjana*, Universiti Malaya, 2005.
- Yusri Mohamad Ramli & Mohd Syukri Yeoh Abdullah, "Ma'rifatullah Menurut Shaykh Hamzah Fansuri," *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu* 4.3 (2016), 41-47.

